

SHORT COMMUNICATION

LAPORAN PENCAPAIAN UNIVERSITI: SATU RENUNGAN DARI ASIA TENGGARA

UNIVERSITY ACHIEVEMENT REPORT: A REFLECTION FROM SOUTHEAST ASIA

Jyh Wee Sew

Centre for Language Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, National University of Singapore, SINGAPORE
Email: clssjw@nus.edu.sg

Published online: 15 April 2017

To cite this article: Sew, J. W. 2017. Laporan pencapaian universiti: satu renungan dari Asia Tenggara. *Kajian Malaysia* 35(1): 117–131. <https://doi.org/10.21315/km2017.35.1.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2017.35.1.6>

ABSTRAK

Perbincangan ini mengetengahkan laporan Kedudukan Akademik Universiti Sedunia (Academic Ranking of World Universities, ARWU) yang diusahakan oleh Shanghai Jiao Tong University supaya laporan tersebut lebih dikenali dan diakuri oleh komuniti terpelajar di Asia Tenggara. Adalah bermanfaat bagi komuniti varsiti untuk memberi perhatian pada kandungan ARWU, iaitu penyata laporan yang tertua dan paling disegani. Pandangan bahawa universiti yang sempurna tidak wujud disangkal dengan barisan kriteria yang jelas mendasari petunjuk yang berkaitan. Seperkara lagi, laporan ARWU yang terperinci mendedahkan bahawa sesebuah universiti yang bersejarah panjang belum tentu mencapai taraf universiti yang cemerlang. Pencapaian awal yang tertera di dalam kad laporan universiti usaha pihak Barat yang diterbitkan pada awal tahun perlu ditapis dengan semakan kedua di Asia Tenggara. Hal ini disebabkan hakikat bahawa bandingan antara keputusan awal dengan laporan ARWU membolehkan pihak pelajar, pengkaji dan pentabir membuat keputusan yang lebih sahih dalam perancangan masing-masing.

Kata kunci: Academic Ranking of World Universities (ARWU), kriteria penilaian, kesahihan objektif, pendidikan tinggi, pencapaian universiti

ABSTRACT

This discussion presents the Academic Ranking of World Universities (ARWU) report conducted by Shanghai Jiao Tong University toward its wider recognition and acceptance by the learned community in Southeast Asia. It is beneficial for the varsity community to pay attention to the content in ARWU, the oldest and most revered report card. The view that an ideal university does not exist is refuted with a listing of clear criteria underpinning the relevant indicators. Futhermore, the detailed report in ARWU reveals that the university with a long history may not necessary achieve the status of a great university. The early achievements documented in the university report cards prepared by the West that is published at the beginning of the year could be refined with a second check in Southeast Asia. This is because a comparison of the early results with the ARWU report will enable the students, researchers and the administrators to make a valid decision in their own planning.

Keywords: Academic Ranking of World Universities (ARWU), criteria of evaluation, objective validation, higher education, university achievements

PENDAHULUAN

Sistem penilaian merupakan suatu jaminan kualiti yang tersedia ada bagi sesuatu kegiatan yang secara umumnya telah diterima baik. Penilaian yang teliti dapat mengukur sejauh mana keahlian sesuatu pihak melestarikan sumber dana dan ilmu pegetahuan yang diperoleh ke tahap optimum. Seiringan dengan peperiksaan dan penilaian yang dilalui oleh individu, institusi pengajian tinggi yang menawarkan ilmu pendidikan dalam bentuk diploma tinggi, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana juga melalui proses penilaian pada setiap tahun. Perkara ini disebabkan penilaian sesebuah kampus memberikan diagnostik untuk membuat keputusan strategik (Wächter et al., 2015). Antara keputusan ini termasuk kaedah peningkatan daya pencapaian melalui kajian berwasit, pelaksanaan pendidikan terancang yang mendatangkan kesan maksimum, serta projek yang digalurkan dengan petunjuk yang teliti demi memperoleh pulangan akademik yang optimum. Penilaian universiti juga memberikan peringatan kepada pihak pentadbiran universiti supaya merancang hala tuju kampus dengan matlamat jangka pendek yang berkesinambungan dengan wawasan jangka panjang. Perancangan sedemikian dapat merealisasikan rancangan induk menara gading untuk menampung keperluan intelek semasa secara berterusan. Semasa merancang ke hadapan, pihak pentadbir boleh menggunakan laporan penilaian universiti sebagai sukatan keberkesanan pengurusan dana operasi yang telah diperuntukkan bagi jangka masa yang telah berakhir. Sesuatu laporan akademik yang terperinci dapat memberikan gambaran awal sejauh mana hasil pendidikan

yang dijana dalam sesuatu bidang setimpal dengan bajet yang telah diperuntukkan. Penelitian data daripada sesuatu laporan akademik selama tiga tahun pula dapat memberikan gambaran yang boleh dipercayai, sama ada sesuatu hala tuju akademik yang sedang dipantau semakin mantap atau sebaliknya.

Kaedah penilaian yang sering disebarluaskan dalam kalangan negara Komanwel ialah sistem penilaian The Times Higher Education of World Ranking. Sistem penilaian ke atas 400 buah universiti pada 2014 telah berkembang ke 800 buah universiti pada 2015 ini bekerjasama dengan broker maklumat, Thomson Reuters yang mempunyai pangkalan sistem dengan perisian data biometrik yang meluas. Dapatan penilaian ini pernah menjadi buah mulut yang menguja minat para penghuni universiti. Laporan ini juga digunakan sebagai sumber publisiti di laman sesawang rasmi universiti. Laporan akademik yang baik sering kali dipamerkan pada laman sesawang universiti sebagai satu pengiktirafan ke atas kualiti pendidikan yang ditawarkan. Adalah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa laporan akademik universiti telah dianggap sebagai suatu jaminan kualiti pendidikan bagi sesebuah universiti. Usul ini merupakan garis panduan kepada warga digital semasa membuat pilihan destinasi pembelajaran atau pusat kajian kerana para netizen dewasa ini selesa dengan bekalan maklumat digital yang diperolehi daripada Internet (Sew, 2010a; 2017).

Pengalaman Presiden Nanyang Technological University (NTU), Singapura, Profesor Bertil Andersson dikutip sebagai satu pengesahan bagi kenyataan tentang kepentingan penilaian universiti.

He [Andersson] recalled how when he took over as provost of NTU in 2008, he tried to ignore the rankings – until he saw parents and students coming to the university open house with the rankings in their hands. "They would ask me why is NTU not in the top 50? When I went overseas to recruit academic talents, some had not even heard of us and some used to think we are a university in China." (Davie, 2015)

Penyata kedudukan universiti sedunia semakin berguna kepada graduan sesebuah universiti kerana kedudukan universiti yang cemerlang akan membuka pintu baharu kepada mahasiswa dan mahasiswi serta graduan universiti tersebut. Perkara ini telah diperjelaskan oleh Presiden National University of Singapore (NUS), Profesor Tan Chorh Chuan (Davie, 2015):

Rankings may have some impact, as highly ranked universities such as NUS tend to have deeper partnerships with a wider set of high-quality institutions around the world. Our reputation also opens up opportunities for our students and graduates.

Selain daripada penilaian The Times Higher Education of World Ranking, firma yang bernama Quacquarellic Symonds (QS) turut menguruskan penilaian ke atas

800 buah universiti di seluruh dunia pada 2015. Laporan yang diterbitkan semenjak 2009 dikenali sebagai QS World University Ranking. Firma yang membuat penilaian universiti ini mengundang anggota universiti melalui e-mel agar menjawab soal selidik atas talian sebagai maklum balas dan data penilaian (lihat Wächter et al., 2015). Proses penilaian yang melibatkan kakitangan di dalam universiti akan menimbulkan syak wasangka ke atas kesahihan hasil penilaiannya. Dinyatakan bahawa penulis pernah membuat soal selidik penilaian QS sekurang-kurangnya sebanyak empat kali. Apabila seseorang penilai seperti penulis dipelawa membuat penilaian bagi universiti di Asia serantau dan benua Amerika, kecenderungan seseorang memberikan perhatian dan nilai yang lebih tinggi pada universiti di rantau asalnya sukar dinafikan. Tambahan pula, penilaian hanya berdasarkan pandangan peribadi kakitangan di universiti tanpa sebarang lampiran sebagai sokongan ilmiah. Satu perkara yang perlu difikirkan, pakar rujuk yang difikirkan layak terus dipilih secara sewenang tanpa sebarang proses penapisan berlandaskan kriteria ilmiah yang jelas (Sew, 2009).

Kelemahan yang jelas dalam penilaian QS ialah loncatan mendadak NTU daripada kedudukan ke-39 pada 2014 kepada kedudukan ke-13 dalam senarai universiti terbaik dunia pada tahun 2015 (Davie, 2015). Kemelut kemaraan NTU secara meledak dalam persaingan universiti sedunia mungkin boleh dileraikan dengan persoalan: Siapakah penilai dan apakah hubungannya dengan universiti yang dinilai? Davie (2015) juga mempertikaikan tentang skop penilaian dalam The Times Higher Education of World Ranking yang secara tiba-tiba bertambah sekali ganda ke 800 buah universiti pada tahun 2015, sedangkan hanya 400 universiti sahaja yang diberikan liputan akademik pada 2014. Antara beberapa persoalan yang boleh difikirkan dengan penambahan skop bilangan universiti termasuk:

1. Mengapakah pelajar dan pengkaji harus mengambil tahu tentang universiti ke-401 hingga ke-800 yang terbaik sedunia jika yuran kemasukan ke universiti ini tetap tidak dikurangkan?
2. Sekiranya jumlah penilaian berkembang ke-800, berapakah pertambahan cakupan dasar kajian?
3. Adakah pertambahan ini merupakan suatu strategi untuk merangsang aliran Internet ke laman sesawang The Times Higher Education of World Ranking?
4. Adakah kerancangan pembaca laporan akademik di Internet akan menambahkan pendapatan universiti yang mengiklankan diri untuk menarik perhatian pengunjung maya di laman tersebut?
5. Adakah strategi ini boleh menarik tajaan iklan pendidikan yang berminat untuk mendapat perhatian di laman sesawang penilaian universiti ini?

Sekiranya kita akur dengan analisis dalam laporan Davie (2015) bahawa penyata QS dan The Times Higher Education of World Ranking merupakan contoh laporan sains sosial yang buruk kerana masing-masing mencampurkan data objektif dan data subjektif, maka penyata Academic Ranking of World University (ARWU) merupakan suatu laporan yang berkualiti tinggi. Sekurang-kurangnya, data yang digunakan oleh ARWU sebagai kriteria penilaian universiti terbaik adalah data objektif. Huraian dan keterangan di sebalik pandangan ini akan diperincikan melalui dua buah jadual dan sedutan daripada laman sesawang universiti terkemuka seluruh dunia pada bahagian yang berikut.

KAEDAH PENILAIAN

Petunjuk dan sifat objektif selalunya disamakan sebagai kriteria saintifik kerana petunjuk objektif bersifat malar dan boleh dibanding. Peminat kedudukan universiti sedunia yang bersifat saintifik mungkin lebih akur dengan penilaian Shanghai Jiao Tong University yang diusahakan oleh pihak penilai dari negara China. Kewibawaan penilaian dari China ini terbukti apabila banyak universiti menerima baik keputusannya. Menurut laman sesawang La Trobe University di Melbourne, Australia, penilaian ARWU ke atas 500 buah universiti merupakan penilaian terawal yang paling dihormati di seluruh dunia.

Di samping itu, keputusan yang cemerlang dalam penilaian ARWU boleh dikatakan suatu kebanggaan yang mendapat perhatian daripada universiti terkemuka. University of California, Los Angeles, sebagai contoh, telah menyebarkan berita kedudukannya yang ke-12 dalam penilaian ARWU di laman sesawang berita universiti.

UCLA placed second among American public universities and 12th among all universities globally in a prominent international ranking. The Academic Ranking of World Universities—compiled by Shanghai Jiao Tong University and issued Aug. 15—uses six criteria to measure excellence. (University of California, Los Angeles, 2016)

Sebagai sokongan tambahan tentang kepentingan ARWU, University of Sydney telah mempamerkan kedudukannya yang ke-82 dalam ARWU sebagai sebahagian daripada maklumat pada laman sesawang pengenalan. Berikut merupakan keterangan tambahan yang terdapat pada bahagian maklumat berita bagi University of Sydney, yang bertajuk "Penilaian Mutakhir ARWU Menyenaraikan Kami di Antara Yang Terbaik":

The University of Sydney has cemented its place among the world's top universities with a ranking of 82 in the 2016 Academic Ranking of World Universities (ARWU). Vice-Chancellor and Principal Dr Michael Spence said, "We are delighted to be ranked among the best in

the world, and we will continue to support our staff and students by investing in quality facilities, infrastructure, and collaborative research programs. Leadership is one of our core values, and we consistently produce graduates who make a difference to the world we live in." (The University of Sydney, 2016)

Pendek kata, hasil penilaian ARWU merupakan cap mohor ilmiah yang boleh diwar-warkan oleh semua universiti dan bukan hanya universiti yang tersohor semasa membuat kenyataan tentang kedudukan masing-masing di tangga dunia. Hal ini disebabkan keupayaan untuk menyertai senarai 500 buah universiti terbaik ARWU merupakan satu pencapaian besar. Penakat yang berkepiawaian tinggi dalam penilaian ARWU membentuk dasar kebolehpercayaan yang kukuh. Berikut merupakan kriteria penilaian objektif yang digunakan oleh pihak penilai Shanghai sebagai tanda kecemerlangan dalam pendidikan tinggi yang boleh difikirkan oleh mana-mana universiti.

Jadual 1: Kriteria penilaian ARWU

Kriteria	Petunjuk	Nilai %
Kualiti pendidikan	Alumni universiti penerima Anugerah Nobel atau menjadi ilmuwan bertauliah	10
Kualiti fakulti	Ahli fakulti penerima Anugerah Nobel atau menjadi ilmuwan bertauliah	20
	Pengkaji yang paling kerap menjadi perujuk dalam 21 bidang mata pelajaran	20
Hasil kajian	Rencana yang diterbitkan dalam jurnal <i>Nature</i> atau jurnal <i>Science</i>	20
	Bagi universiti yang mengkhusus dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial nilai peruntukan bagi <i>Nature/Science</i> diagihkan semula bagi kriteria yang lain	
	Rencana yang diindeks dalam Social Science Citation Index serta Science Citation Index	20
Pencapaian per kapita	Pencapaian per kapita bagi setiap universiti	10
Jumlah nilai per seratus		100

Sumber: <http://www.shanghairanking.com/ARWU-Methodology-2016.html>

Data dalam Jadual 1 diperoleh daripada laman sesawang ARWU yang baharu sahaja menerbitkan laporan pencapaian universiti sedunia pada 2016. Laman ini juga menyatakan sumber maklumat yang digunakan dalam proses penilaian universiti dengan jelas. Maklumat ini berguna sebagai balasan yang bernas ke atas pandangan bahawa universiti yang sempurna tidak wujud.

The basic problem is that there is no definition of the ideal university. Is it big or small? Is it better at research or at teaching? Is it a specialist science and technology institution with heavy research income – or does it focus primarily on the humanities and social sciences? Is it adventurous or risk averse? Next, what are the data? On teaching, there are simply no robust data on which global comparison can be made. Some tables rely on curious proxies, such as the number of PhDs awarded per academic, the number of undergraduates admitted per academic and the income per academic. None of these say anything about the quality of teaching. (Grant, 2010)

Kata-kata daripada bekas pentadbir sebuah universiti terkemuka di London ini menyuratkan pandangan yang cetek lantas menyiratkan minda pentadbir yang belum faham bahawa sistem penilaian berkualiti tinggi dapat diwujudkan. Sistem yang berkepiawaian tinggi boleh menjadi tahap dan matlamat pencapaian bagi calon-calon universiti lalu proses pembezaan yang bertatatingkat secara serasi akan terbentuk (Gerring, 1999; Goertz, 2006). Kriteria di dalam Jadual 1 dengan jelas menawarkan garis panduan yang menepati konsep universiti sempurna. Universiti yang semakin berupaya menepati kriteria yang digalurkan akan menghasilkan kualiti akademik yang lebih tinggi. Satu jawapan ringkas untuk persoalan yang ditimbulkan oleh Grant boleh diperoleh daripada definisi penilaian di laman sesawang University of Illinois at Urbana-Champaign:

At Illinois, we measure success by the impact our students, faculty, and alumni have in the world. Our focus is on providing transformational learning experiences – in the classroom and out of it. And when you do this for nearly 150 years, people take notice. (Illinois, 2016)

Huraian tentang penilaian di atas membolehkan kita memahami sebab-musabab ARWU menggunakan penerima Anugerah Nobel dan keahlian dalam golongan ilmuwan bertauliah sebagai piawai penilaiannya. Pandangan Grant menjadi terbantut dengan kesan *bandwagon* daripada penilaian akademik yang dapat meneruskan tradisi kecemerlangan. Tradisi kecemerlangan yang dimaksudkan jelas tersebar di universiti swasta Amerika Syarikat. Sebagai contoh, Harvard University merupakan markas yang merangsang fikiran Ban Ki-moon, Barack Obama, Michelle Obama, Bill Gates, Mark Zuckerberg dan Jeremy Lin, pemain bola keranjang NBA. Di samping itu, universiti swasta seperti Harvard University, Stanford University, Massachusetts Institute of Technology, Columbia University, Yale University dan University of Chicago sentiasa menjadi juara di kedudukan universiti dalam laporan pencapaian akademik universiti.

Jadual 2 mengandungi sumber maklumat yang dipantau oleh para penilai ARWU. Data yang digunakan sebagai maklumat penilaian di ARWU diperoleh daripada punca rasmi.

Jadual 2: Maklumat dalam penilaian ARWU

Sumber rujukan	Sumber data
Penerima Anugerah Nobel	http://nobelprize.org/
Ilmuwan bertauliah	http://www.mathunion.org/index.php?id=prizewinners
Pengkaji yang paling kerap menjadi perujuk	http://www.highlycited.com/
Rencana terbitan <i>Nature/Science</i>	http://www.webofknowledge.com/
Rencana simpanan <i>Social Science Citation Index</i> dan <i>Science Citation Index</i>	http://www.webofknowledge.com/
Lain-lain (Jumlah kakitangan universiti)	Agensi kebangsaan seperti Kementerian Pendidikan sesebuah negara

Sumber: <http://www.shanghairanking.com/ARWU-Methodology-2016.html>

Yang jelas kaedah penilaian ARWU dapat menyisihkan pengaruh emosi kemanusiaan yang bersifat subjektif. Hal ini bererti data yang digunakan sebagai rujukan tidak membabitkan ralat manusia yang dipengaruhi budi bicara peribadi (Sew, 2010b). Sehubungan itu, pembaca tidak perlu rusing tentang masalah penilaian yang digunakan dalam laporan ARWU berbanding bilangan hakim dalam laporan QS yang bersifat sewenang. Masalah penilaian lain yang ketinggalan zaman pernah dilaporkan dalam jurnal *Kajian Malaysia*. Penilaian jurnal akademik oleh pihak Persatuan Pengajian Asia Australia (ASAA) kelihatan sewenang dan tidak dipantau kerana judul jurnal yang telah terhenti penerbitannya masih tersenarai dalam penilaian (lihat Sew, 2014).

PILIHAN TERBAIK

Setakat ini, kaedah penilaian yang berlandaskan rangka ilmiah yang terjamin digunakan bagi penentuan kedudukan universiti sedunia pada 2016 dalam sistem penilaian Shanghai Jiao Tong University. Jadual 3 menunjukkan susunan kedudukan universiti sedunia dari tempat pertama ke tempat ke-12. Universiti yang menduduki tangga ke-13 dan seterusnya tidak dipamerkan dalam Jadual 3 kerana nilai per seratusnya kurang daripada 50%.

Maklumat dalam Jadual 4 berguna untuk memahami sejauh mana universiti di Asia mampu bertanding dengan universiti yang lain daripada segi kecemerlangan akademik. Bagi pelajar atau sarjana muda yang berhajat memandang ke timur demi mengejar pendidikan tinggi, Jadual 4 menampilkan petunjuk berkesahihan tinggi. Petunjuk ini menjadi sumber rujukan tambahan dalam membuat pilihan untuk melanjutkan pendidikan sarjana muda ataupun sarjana lepasan ijazah pertama.

Jadual 3: Kedudukan universiti sedunia pada 2016 menurut ARWU

Kedudukan sedunia	Nama universiti	Negara	Kedudukan kebangsaan	Nilai %
1	Harvard University	USA	1	100
2	Stanford University	USA	2	74.7
3	University of California, Berkeley	USA	3	70.1
4	University of Cambridge	England	1	69.6
5	Massachusetts Institute of Technology	USA	4	69.4
6	Princeton University	USA	5	62.0
7	University of Oxford	England	2	58.9
8	California Institute of Technology	USA	6	57.8
9	Columbia University	USA	7	56.7
10	University of Chicago	USA	8	54.2
11	Yale University	USA	9	52.8
12	University of California, Los Angeles	USA	10	51.5

Sumber: <http://www.shanghairanking.com/ARWU2016.html>

Pada 2016, universiti dari benua Asia yang tersenarai ke dalam kedudukan 100 terbaik pada peringkat antarabangsa dihuraikan dalam Jadual 4.


Jadual 4: Universiti dari benua Asia di antara 100 terbaik sedunia

Kedudukan sedunia	Nama universiti	Negara	Kedudukan kebangsaan	Nilai %
20	The University of Tokyo	Jepun	1	42.2
32	Kyoto University	Jepun	2	37.2
58	Tsinghua University	China	1	29.6
71	Peking University	China	2	27.7
72	Nagoya University	Jepun	3	27.5
83	National University of Singapore	Singapura	1	26.5
96	Osaka University	Jepun	4	25.5

Sumber: <http://www.shanghairanking.com/ARWU2016.html>

Perlu dijelaskan bahawa angka yang diberikan hanya langkah pertama bagi pengkaji dan pelajar untuk membuat tinjauan ke laman sesawang universiti tertentu. Adalah lebih mudah untuk memahami budaya dan aktiviti pendidikan sesebuah universiti sebaik sahaja meneliti laman sesawang utama sesebuah universiti yang berkaliber dalam bidang tertentu. Sebagai contoh, laman


sesawang utama Universiti Sains Malaysia (USM) pada 5 November 2016 telah mempamerkan kecemerlangan dalam enam bidang akademik pada sesawang bergerak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Laman sesawang bergerak USM pada 5 November 2016.

Rajah 1 menunjukkan USM menyampaikan kualiti kajian yang diiktiraf antarabangsa dalam bidang Sains Matematik, Perakaunan dan Kewangan serta Pengajian Serantau Asia Pasifik. Pengkaji muda lagi berbakat yang cuba memilih pusat kajian supaya kerjaya masing-masing akan mara jauh pasti mendapat gambaran ilmiah yang lebih jelas. Di samping itu, baik sarjana mahupun mahasiswa muda yang bercita-cita tinggi pasti akan teruja dengan bidang Sains Binaan, Sains Fizikal dan Sains Perubatan yang juga bertaraf kebangsaan di USM dengan anugerah jurnal berkualiti bagi bidang-bidang tersebut (Universiti Sains Malaysia, 2016).

Selain penerbitan ilmiah, laman sesawang utama sesebuah universiti juga memuatkan laporan pencapaian graduan yang pernah belajar di universiti tersebut. Sebagai contoh, laman sesawang sisipan National University of Singapore pada 5 November 2016 mempamerkan berita pencapaian mahasiswinya, Dr. Karenne Tun selaku penemu spesies karang laut *Neptune's cup sponges* yang disangkakan sudah pupus daripada kepelbagaian ekologi laut sedunia oleh para saintis. Maklumat yang ada di laman tersebut meliputi tugas harian Dr. Tun termasuk selam-pantau ekologi di dasar laut sebagai rekod kesihatan laut yang menjadi petunjuk pencemaran air, iaitu ancaman warisan kemanusiaan yang sangat berharga.



Rajah 2: Laman sesawang National University of Singapore pada 5 November 2016.

RENUNGAN POSITIF

Universiti yang berjaya mendapatkan tempat dalam senarai universiti terkemuka ARWU mungkin berasa lega dan bangga kerana lulus dalam proses saringan yang terperinci. Hal ini disebabkan oleh penakatan ilmiah yang dipilih benar-benar mensyaratkan kepakaran minda golongan intelektual di universiti dan keberkesanan pengagihan sumber pendidikan dengan sebaik mungkin. Apanya tidak, La Trobe University menganggap kedudukannya yang ke-336 di dalam ARWU sebagai suatu pencapaian yang dibanggakan di laman rasminya:

Acting Vice-Chancellor, Professor Jane Long said La Trobe was placed 336th in the world – the best ever outcome for the University in this leading international survey ... "Our success is the outcome of strong efforts to increase the quality and quantity of internationally recognised research at La Trobe, which has resulted in an 18 per cent increase in the number of publications from across the University," Professor Long said. (La Trobe University, 2016)

Apatah lagi dengan universiti tempatan yang berjaya masuk ke dalam kedudukan 500 yang terbaik. USM, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya merupakan universiti tempatan yang mendapat tempat dalam laporan ARWU. Kedudukan ketiga-tiga universiti awam Malaysia ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Universiti Malaysia di antara 500 terbaik sedunia

Kedudukan ARWU	Nama universiti	Negara	Tahun penubuhan
429	Universiti Kebangsaan Malaysia	Malaysia	1970
466	Universiti Malaya	Malaysia	1962
481	Universiti Sains Malaysia	Malaysia	1969
Universiti tempatan di atas mendahului universiti berikut dalam penilaian ARWU:			
482	University of Stuttgart	Jerman	1829
483	University of Surrey	England	1966
486	University of Turku	Finland	1920
489	University of Warsaw	Poland	1816
491	University of Zagreb	Croatia	1669
493	Utah State University	USA	1888
497	Waseda University	Jepun	1882
498	Washington State University	USA	1890

Sumber: <http://www.shanghairanking.com/ARWU2016.html>

Syabas kepada ketiga-tiga institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia kerana berjaya memperoleh perakuan dari ARWU. Di samping menjadi universiti yang berdaya saing, ketiga-tiga universiti ini telah menewaskan universiti dari Barat dan Timur yang terkenal sebagaimana tercatat dalam Jadual 5. Lebih penting lagi, Jadual 5 menyampaikan suatu kenyataan bahawa kecemerlangan sesebuah universiti tidak ada kaitan dengan sejarah penubuhannya.

Perkara yang paling penting dalam pemupukan prestasi ilmiah universiti merupakan pucuk pimpinan dalam pusat pengajian atau fakulti, di samping sahsiah dan karisma setiap dekan dan ketua jabatan. Kepimpinan yang berwawasan akan membawa universiti yang masih muda dari sejarah penubuhan terus menghampiri kriteria universiti sempurna. Satu perbandingan baik ialah kedudukan Tsinghua University yang ke-58 telah mengatasi Peking University yang berkedudukan ke-71 dalam ARWU. Tsinghua University yang ditubuhkan pada 1911 telah mendahului Peking University yang telah wujud pada 1898 dalam penilaian ARWU. Semua universiti dalam senarai laporan ARWU memperlihatkan keupayaan masing-masing dalam usaha mencapai kecemerlangan akademik. Sememangnya kesemua universiti ini telah memperlihatkan perkembangan pendidikan yang positif walaupun masih terdapat kekurangan dan lompong dalam bidang-bidang tertentu yang perlu diperbaiki. Oleh sebab itu, keputusan ARWU merupakan petunjuk penting yang boleh dipamerkan di laman rasmi mana-mana universiti sebagai sumber publisiti yang berfaedah dalam mengharungi arus globalisasi.

KESIMPULAN

Sebagai suatu dapatan awal, penyata laporan ARWU penting bagi pihak kerajaan dan swasta untuk mengagihkan dana penyelidikan pada universiti yang telah disahkan berkualiti dalam usaha pemupukan kualiti pendidikan tinggi. Selain daripada pelajar institusi pendidikan tinggi, perintis bidang baharu yang ingin mempelopori kajian penting juga harus memikirkan markas penyelidikan yang mampu mempertingkatkan kerjaya masing-masing. Universiti yang kerap menerbitkan rencana berwasit dalam simpanan Social Sciences Citation Index atau Science Citation Index, seperti USM (lihat Rajah 1) akan mendapat keutamaan daripada golongan perintis ilmu semasa mereka membuat keputusan strategik. Penyata ARWU juga merupakan suatu dokumen pegangan yang membezakan gedung intelek dinamik daripada gerai ilmu biasa. Perkara ini mustahak kerana dana pelaburan daripada para usahawan harus berbaloi, sama ada daripada sudut komersial ataupun demi kepentingan umum. Dengan penilaian universiti ARWU, siswa-siswi, graduan pengkaji, perancang, perintis pendidikan, pentadbir yang gigih dan berwawasan kini memperoleh gambaran yang jelas tentang kedudukan universiti impian yang akan menampung perkembangan minda dan kemantapan kerjaya masing-masing.

Terdapat pandangan bahawa penyata ARWU masih kekurangan daripada dua segi. Pertama, penilaian bagi penekanan pengajaran dan pembelajaran, dan kedua, jaringan industri antarabangsa tidak terangkum ke dalam penilaian ARWU. Adalah tidak benar bahawa penekanan pengajaran universiti terabai dalam penyata ARWU kerana kriteria kedua (ilmuwan bertauliah) dan ketiga (pengkaji yang paling kerap menjadi perujuk) dalam Jadual 2 tentang bekalan maklumat penilaian ARWU menyuratkan ketokohan pengajaran tenaga pengajar di universiti yang diberikan penilaian. Jalinan antarabangsa juga terangkum dalam kriteria pertama Jadual 2, iaitu penganugerahan Hadiah Nobel sebagai angkubah mutlak. Walau bagaimanapun, penulis akur bahawa pedagogi di pusat pengajian tinggi masih menjadi satu isu di dalam semua penyata penilaian universiti sebagaimana yang telah digalurkan oleh Presiden National University of Singapore, Profesor Tan Chorh Chuan:

Qualitative aspects of a distinctive university education – for instance, innovative learning approaches, global exposure and student experience – are hard to measure, but these are what differentiate a student's educational experience and longer-term prospects. (Davie, 2015)

Apabila dibandingkan pandangan Grant dan Tan, pembaca yang budiman akan faham bahawa penilaian universiti ARWU merupakan suatu bentuk penilaian objektif yang belum lengkap tetapi masih memadai bagi seseorang membuat keputusan pelaburan dan pendidikan yang praktikal. Sekurang-kurangnya, penyata ARWU boleh mengelakkan situasi bagai siamang kurang kayu. Dengan

ini, pencapaian pelajar dan graduan yang berbakat dan berkebolehan tidak akan terbantut akibat kelemahan penampung pendidikan.

Namun begitu, sebaik mana sesebuah universiti sekalipun, tanpa disiplin, nilai murni dan gaya hidup yang sederhana sebagai kosa kejatian diri, kejayaan dan pencapaian hanyalah bayangan maya. Kes-kes pelajar yang leka dengan mainan digital sehingga terbantut kemajuan pendidikan tinggi di universiti terkemuka, sebagai misalannya, pernah dilaporkan di dalam media. Kita juga pernah terbaca laporan sensasi sebuah universiti kebangsaan di Asia Timur tentang pemalsuan data klon sains hayat oleh profesor yang bertaraf kesatria negara.

RUJUKAN

- Academic Ranking of World Universities. 2016. World Top 500 Universities. <http://www.shanghairanking.com/ARWU2016.html> (accessed 17 August 2016).
- Davie, S. 2015. University rankings: Time for a regrading? *The Straits Times*. <http://www.straitstimes.com/opinion/university-rankings-time-for-a-regrading> (accessed 5 November 2016).
- Gerring, J. 1999. What makes a concept good? A criterial framework for understanding concept formation in the Social Sciences. *Polity* 31(3): 357–393. <https://doi.org/10.2307/3235246>.
- Goertz, G. 2006. *Social science concepts: A user's guide*. Princeton: Princeton University Press.
- Grant, M. 2010. University world rankings are pointless, UCL president says. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/education/2010/sep/21/university-world-rankings> (accessed 18 August 2016).
- Illinois. 2016. Rankings. <http://illinois.edu/about/rankings.html> (accessed 18 August 2016).
- La Trobe University. 2016. News release. <http://www.latrobe.edu.au/news/articles/2016/release/la-trobe-rises-200-places-in-world-ranks?src=slideshow1> (accessed 17 August 2016).
- National University of Singapore. 2016. A passion that runs deep. <http://nus.edu.sg/> (accessed 5 November 2016).
- Sew, J. W. 2017. *From face to screen*. Kota Samarahan: University Malaysia Sarawak Press.
- _____. 2014. Penilaian jurnal akademik. *Kajian Malaysia* 32(2): 113–144.
- _____. 2010a. *Persembahan@Media.com*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- _____. 2010b. Budaya penerbitan asas kecemerlangan. *Dewan Budaya* 32(7): 28–30.

- _____. 2009. Antara intan dengan kaca: Kemelut budaya akademik samaran. *Dewan Budaya* 31(11): 46–48.
- The University of Sydney. 2016. News. <http://sydney.edu.au/news-opinion/news/2016/08/15/latest-arwu-university-rankings-list-us-among-best-universities-html> (accessed 17 August 2016).
- Universiti Sains Malaysia. 2016. Congratulations: Academic journals accorded cream status 2016. <https://www.usm.my/index.php/ms/> (accessed 5 November 2016).
- University of California, Los Angeles. 2016. Newsroom. <http://newsroom.ucla.edu/releases/ucla-ranked-second-best-public-university-in-the-world-according-to-annual-global-survey> (accessed 17 August 2016).
- Wächter, B., M. Kelo, Q. K. H. Lam, P. Effertz, C. Jost and S. Kottowski. 2015. University quality indicators: A critical assessment. [http://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2015/563377/IPOL_STU\(2015\)563377_EN.pdf](http://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/STUD/2015/563377/IPOL_STU(2015)563377_EN.pdf) (accessed 18 August 2016).